

Kesedaran pulihara sungai daripada tercemar meningkat

Bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak, Lembangan Sungai Klang adalah yang keempat terbesar di Selangor. Sungai yang boleh dikatakan antara ikon negara itu menjadi saksi kepada pelbagai peristiwa suka dan duka sejak ia mula diteroka lebih 100 tahun lalu kerana kekayaan sumber bijih timah yang terkandung di sepanjang lembangannya.

Sungai yang turut menjadi saksi kepada pembukaan Kuala Lumpur sehingga diisytiharkan sebagai ibu negara ini juga mempunyai kekuatan tersendiri yang menarik kedatangan banyak pihak. Namun sejak beberapa dekad lalu tahap kualiti airnya semakin membimbangkan kesan pencemaran yang berlaku sepanjang alirannya sehingga menjadikan ia sebuah longkang besar yang dipenuhi sampah.

Sikap mereka yang mendiami sepanjang tebing sungai yang berjajaran sepanjang 120 kilometer (km) itu, dengan 80km berada di Selangor, manakala selebihnya iaitu 40km berada di bawah pengawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sewenang-wenangnya membuang sampah ke dalam sungai di samping menjadi aliran terakhir saluran longkang kawasan perumahan yang berada di sepanjang sungai berkenaan dan anak sungainya menjadikan air Sungai Klang bukan sahaja tidak sesuai untuk kehidupan, malah tidak ada kegiatan yang dapat dilaksanakan di sekitarnya.



AZRAN JAFFAR

azran@bh.com.my

tarnya.

Kecelaruhan yang melanda Sungai Klang menyebabkan kawasan perangkap sampah yang dibina di beberapa lokasi strategik bukan sahaja menghasilkan bertant-tan sampah setiap hari, malah sekali sekala terdengar ia turut memerangkap tubuh manusia sama ada yang sengaja memangsakan diri kepada sungai berkenaan atau menjadi mangsa kekejaman dan dihumban ke dalam sungai.

Inisiatif ROL jadikan sungai kembali ceria

Walau bagaimanapun, sungai yang mengalir lesu itu kini semakin ceria melalui inisiatif *River of Life* (ROL) yang dilancarkan pada 1 Julai 2011 bertujuan membersihkan, mengindah dan membangunkan kawasan berhampiran Sungai Klang dan Sungai Gombak di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur melalui kerja pembersihan sungai, meningkatkan kemudahan sistem pembetulan, pemasangan perangkap bahan cemar dan bahan buangan terutama dari kawasan komersial seperti pasar dan tempat makan selain penguatkuasaan lebih ketat bagi memastikan kebersihan sungai terjamin.

Bukit Tabur.



Inisiatif itu yang juga satu daripada 12 Bidang Utama Ekonomi Negara iaitu Greater Kuala Lumpur/Klang Valley itu yang antara komponennya adalah pengindahan dan pembangunan diharapkan dapat melonjakkan lagi sektor pelancongan, aktiviti komersial seperti peruncitan dan pembangunan hartanah di kawasan berdekatan.

Apa pun, dalam membolehkan inisiatif ROL memberi keputusan seperti diharapkan, ulu sungai perlu dipastikan tidak tercemar dan tanggapan itu menyebabkan

“Tujuan kami adalah untuk menjadikan penduduk di sini komuniti yang aktif dalam pemuliharaan sungai dan mempunyai rasa kebersamaan terhadap sungai”

Dr Dhileepan Nair,
Pengerusi Pro-Tem ECO Greater Melawati

“Tujuan kami adalah untuk menjadikan penduduk di sini komuniti yang aktif dalam pemuliharaan sungai dan mempunyai rasa kebersamaan terhadap sungai berkenaan dengan apa yang diharapkan dapat menukar kualiti airnya sehingga berada pada tahap sesuai untuk kegiatan rekreasi, selain menjadi komuniti mesra alam sekitar dan mapan”, kata Pengerusi Pro-Tem ECO Greater Melawati, Dr Dhileepan Nair ketika ditemui di Pusat Alam Sekitar dan Penjagaan Sungai (River Care and Environment Centre) (RCEC) persatuan berkenaan, baru-baru ini.

Tambah Ahli Jawatankuasa ECO Greater Melawati, Zulkifli Mohamed: “Untuk itu pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada penduduk akan kepentingan sungai yang meliputi semua termasuk pekedai, peniaga dan anak sekolah yang berada di kawasan kejiranan dengan penekanan adalah konsep 3R iaitu mengurangkan, guna semula dan kitar semula.”

Anak sungai berkenaan yang bermula di kawasan tadahan air di persekitaran Empangan Klang Gates akan bertemu dengan Sungai Sering, sungai utama di persekitaran Hulu Klang, mengunjur sejauh 10km

sebelum bertemu dengan Sungai Klang di kawasan Kuala Ampang yang seterusnya mengalir sehingga ke titik pertemuan dengan Sungai Gombak di Masjid Jamek, Kuala Lumpur dan berakhir di muaranya di bandar Klang.

Sejumlah lima zon terdiri daripada kawasan kejiranan terbabit dalam program pemuliharaan sepanjang perjalanan 10km sungai berkenaan dengan ECO Greater Melawati adalah satu daripadanya yang meliputi Taman Melawati, Kemensah Heights, Ulu Kemensah, Taman Zoo-view, Zoo Negara serta Kampung Kemensah dan mempunyai kira-kira 4,000 rumah dengan kira-kira 50 peratus darinya didiami penyewa.

Promosi komuniti bersih, sihat, selamat, mesra alam

Jelas Dr Nair, pihaknya mempromosikan komuniti yang bersih, sihat, selamat, mesra alam sekitar dan harmoni melalui antaranya penyediaan laluan berbasikal dan jogging; amalan pembangunan mapan; pemerhatian cerun dan memantau sungai serta hutan juga program pembangunan ekopelancongan selain mengadakan beberapa acara setiap tahun dalam usaha mening-

katkan kesedaran terhadap pemuliharaan sungai dan alam sekitar.

Di samping itu, pihaknya menggalakkan pengusaha restoran serta peniaga menjalankan operasi berdasarkan Dapur Hijau yang mana sisa dapur diuruskan dengan lebih baik. Selain itu pihaknya juga mendidik penduduk supaya tidak membuang sampah ke dalam sungai menerusi kegiatan 3R di enam sekolah di kawasan kejiranan berkenaan.

“Apa yang membanggakan, kegiatan 3R ini membolehkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Taman Melawati yang mempunyai 300 murid memperoleh kira-kira RM12,000 setahun,” katanya sambil menunjukkan sekolah berkenaan yang pagarnya terletak kira-kira 200 meter dari tempat pertemuan kami pada hari berkenaan yang turut bersempadan dengan anak sungai yang diperkatakan.

Zulkifli pula berkata, pihaknya juga ber-

ECO Greater Melawati serap konsep 3R, didik komuniti jaga kebersihan sumber air, alam sekitar



Sungai Klang dan Sungai Gombak di tengah Bandaraya Kuala Lumpur.



Dr Nair menunjukkan tempat menarik di ECO Greater Melawati.



Tong kitar semula yang diletakkan berhampiran RCEC untuk penduduk menyumbangkan barangan bagi tujuan kebajikan.



Anak sungai dari kawasan tadahan berhampiran Empangan Klang Gates mengalir melewati kawasan ECO Greater Melawati.

FAKTA NOMBOR

5
zon

Kawasan kejiranan terbabit dalam program pemuliharaan sungai Sering



cadang mengadakan pertandingan antara sekolah, kelas dan komuniti berhubung persekitaran mesra alam sekitar dan 3R bagi meningkatkan kesedaran mengenai keperluan menjaga sungai.

Menjelaskan mengenai RCEC yang turut menjadi medan pertemuan ahli jawatankuasa ECO Greater Melawati dan dibina dengan bantuan Jabatan Pengairan dan Saliran Gombak, Dr Nair berkata, ia dibina di tanah rizab yang berjiran dengan tiga sekolah yang aktif menjalankan aktiviti pemantauan sungai dan kitar semula dan bertindak sebagai kemudahan pendidikan untuk komuniti.

Pantau kualiti air anak sungai

Dalam perkembangan sama, Penasihat Smart Rangers Club - Sierra Ukay, Shahrulnizam Mohd Saari, berkata, pihaknya sudah memulakan program pemantauan kualiti air anak sungai berkenaan dan sambungannya yang dilakukan sejak Januari lalu bagi membentuk satu asas maklumat selain melihat sejauh mana pemulihan dialami.

Sierra Ukay adalah sebuah lagi kejiranan dalam lima zon yang terbabit dengan program pemuliharaan anak Sungai Klang di kawasan ulu.

"Setakat ini kami sudah laksanakan se-

banyak dua kali inisiatif ini yang mana apa yang diukur adalah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), pH, Oksigen Terlarut (DO), Pepejal Terampai (SS) dan Ammonikal Nitrogen (AN)," katanya.

Ditanya hasil diperoleh melalui pementauan, Shahrulnizam berkata, masih terlalu awal untuk pihaknya membuat kesimpulan kerana proses ini memakan masa dan berharap dengan segala aktiviti kesedaran dilakukan, pihaknya yakin usaha memulihara sungai dan meningkatkan kualiti air akan dapat dicapai dengan apa yang penting adalah kerjasama semua pihak untuk menjadikan ia kenyataan.

Tambah Dr Nair, umum mengetahui bahawa persekitaran kejiranan ECO Greater Melawati yang meliputi Bukit Tabur yang mana kerajaan negeri sedang berusaha mewartakannya sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. Banjarannya menyimpan batu kuartza terbesar di dunia yang juga diklasifikasikan sebagai Tapak Warisan Dunia untuk Geologi serta Empangan Klang Gates yang membekalkan air kepada hampir keseluruhan Kuala Lumpur.

Justeru, menjadi tanggungjawab semua pihak terutama penduduk di kawasan ini untuk memulihara alam sekitarnya.



DENGAN
KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

阿里有两个妹妹
A lǐ yǒu liǎng ge mèi mei
ALI MEMPUNYAI DUA ADIK PEREMPUAN



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel: 603 - 41442788
Faks: 603 - 41443098
Laman Web: www.hccm.com.my/ms
E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 83

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video



1300 22 6787
www.bharian.com.my
The New Straits Times Press (M) Bhd